



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

Fun With Language

AtPB e-bulletin 15th Edition

1. Aunty's English Lesson

By: Prof. Madya Dr. Soo Kum Yoke

2. Perubahan Maksud Kosa Kata Berdasarkan Konteks Ayat (Siri 2)

Ditulis Oleh Dr. Siang Lay Choo

3. Huruf Arab Ada Bunyi Unik? Jom Cuba Sebut Dengan Betul!

Ditulis oleh: Nur Aini Ariffin

KOLUM SERONOKNYA BAHASA ARAB! 🗨️🤔🌟

Huruf Arab Ada Bunyi Unik? Jom Cuba Sebut Dengan Betul!

Ditulis oleh: Nur Aini Ariffin

Tahukah anda bahawa bahasa Arab mempunyai beberapa bunyi unik yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu? Jika anda belajar bahasa Arab, mungkin anda perasan ada beberapa huruf yang agak mencabar untuk disebut. Sebutan huruf-huruf ini memerlukan teknik khusus yang melibatkan penggunaan halkum, tekak dan posisi lidah yang berbeza daripada kebiasaan kita dalam bahasa Melayu. Jom kenali lima huruf paling mencabar dan cara menyebutnya dengan betul!

1) Huruf Hā' (ح) – Bunyi “Pedas” di Tekak!

 **Cara sebut:** Suara ditekan ke tengah kerongkong, seperti orang kepedasan.

 **Salah:** Sebut seperti “h” biasa dalam “hari”.

 **Contoh perkataan:**

- حَصَدَ (ḥaṣada) = menuai
- حَافِلَة (ḥāfilatt) = bas

 **Info menarik:** Huruf hā' merupakan salah satu daripada empat belas huruf muqatta'att (huruf-huruf terpotong) yang terdapat pada permulaan beberapa surah dalam al-Quran, seperti حم dalam Surah Ghāfir, Fussilat dan lain-lain.

2) Huruf Dād (ض) – Bahasa Arab Bahasa Dād

 **Cara sebut:** Tepi sisi lidah (kanan atau kiri) ditekan ke gigi geraham sebelah atas, lidah tidak boleh keluar.

 **Salah:** Sebut seperti “d” biasa dalam “duit”.

 **Contoh perkataan:**

- خَضْرَوَات (khadrawāt) = sayur-sayuran
- ضَيْق (dayyiq) = sempit

 **Info menarik:** Bahasa Arab sering disebut sebagai لُغَةُ الضَّاد (luḡhatt ad-dād) kerana huruf dād tidak wujud dalam mana-mana bahasa lain di dunia, serta merupakan huruf yang paling sukar disebut antara huruf-huruf hijā'.

3) Huruf Zā' (ظ) – Apabila “Z” dan “DH” Bergabung Jadi Satu!

 **Cara sebut:** Hujung lidah ditemukan dengan hujung gigi depan (atas).

✗ **Salah:** Sebut seperti “z” biasa dalam “zebra”.

📌 **Contoh perkataan:**

- ظُهْرًا (zuhran) = tengah hari
- نَظِيف (nazīf) = bersih

💡 **Info menarik:** Banyak orang keliru antara zā’ (ظ) dan dhāl (ذ) kerana bunyinya hampir sama. Perbezaannya terletak pada sifat, huruf zā’ mempunyai bunyi tebal (isti’lā’), manakala huruf dhāl berbunyi nipis (istifāl).

4) Huruf ‘Ayn (ع) – Bunyi “Gulp” Dalam Tekak!

🗨️ **Cara sebut:** Dibunyikan di tengah kerongkong dengan sedikit penekanan, seperti tercekik.

✗ **Salah:** Sebut seperti “a” biasa dalam “air”.

📌 **Contoh perkataan:**

- وَاسِع (wāsi’) = luas
- عِبَارَةٌ (‘ibāratt) = frasa

💡 **Info menarik:** Nama-nama seperti ‘Ali, ‘Umar dan ‘Aini sering ditulis tanpa tanda koma atas (*apostrophe*) dalam bahasa Melayu, menjadikannya Ali, Umar dan Aini dalam ejaan rasmi.

5) Huruf Qāf (ق) – “K” Yang Dalam dan Tebal!

🗨️ **Cara sebut:** Pangkal lidah ditekan ke pangkal lelangit (berhampiran anak tekak).

✗ **Salah:** Sebut seperti “k” biasa dalam “kucing”.

📌 **Contoh perkataan:**

- قَرْيَةٍ (qaryatt) = kampung
- أَسْقِي (asqī) = saya menyiram

💡 **Info menarik:** Banyak perkataan Arab yang melibatkan huruf qāf membawa maksud kepimpinan dan kekuatan, seperti قُوَّة (quwwatt – kekuatan), قَاد (qāda – memimpin), قَهَرَ (qahara – menakluk) dan قَاطِع (qāṭi’ – muktamad).

Jadi, sudahkah anda cuba sebut huruf-huruf ini dengan betul? Yang mana satu paling mencabar bagi anda?

🔥 BONUS LIDAH TERSASUL: Silap Sebut, Lain Maksud!

Menarik untuk diketahui! Sebutan yang salah dalam bahasa Arab boleh mengubah makna perkataan sepenuhnya! Kadang-kadang boleh jadi kelakar, kadang-kadang boleh jadi tragedi!

Nak Cakap Apa? ✓	Tersasul Jadi... ✗	Kesannya? 😊
حَرَبَ (ḥaraba): menyerang	هَرَبَ (haraba): melarikan diri	Tentera itu melarikan diri dengan gagah berani.
ضَرَبَ (ḍarb): pukulan	دَرَبَ (darb): jalan	Pesilat itu menumbangkan lawannya dengan jalan yang dahsyat.
ظِلَّ (ẓill): bayang-ba yang	ذِلَّ (dhill): kehinaan	Saya berehat di bawah kehinaan pokok itu.
عَلَّمَ ('alam): bendera	أَلَمَ (alam): kesakitan	Kibarkan kesakitan setinggi-tingginy a!
قَلَبَ (qalb): hati	كَلَبَ (kalb): anjing	Awak ada dalam anjing saya!

Kesimpulannya, huruf-huruf ini memberikan keunikan kepada bahasa Arab dan menjadikannya antara bahasa yang paling menarik di dunia. Untuk menguasai sebutannya, berlatihlah secara perlahan-lahan, di samping membiasakan diri mendengar bacaan penutur asli.

Rujukan

- Hanafi Dollah. (2019). *Kamus kontekstual lengkap al-Khalil (Bahasa Arab – Bahasa Melayu)*. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mohammad Asraff Ayob. (2019, Februari 7). *Cara bezakan sebutan antara huruf dal & dhod* [Video]. YouTube. <https://youtu.be/2P4WUNCmA4g?si=E3onylqeqNtGzF6j>
- Mohammad Asraff Ayob. (2019, Februari 11). *Cara bezakan sebutan antara huruf zal & dzo* [Video]. YouTube. https://youtu.be/PHIC-G6UOoY?si=9n_7p84T2MVhxeeS
- Mohammad Asraff Ayob. (2019, Februari 12). *Cara bezakan sebutan antara huruf kaf & qof* [Video]. YouTube. https://youtu.be/9r3oZtMmDlo?si=d2Ei_B4L3yenR1r5
- Mohammad Asraff Ayob. (2019, Februari 13). *Cara bezakan sebutan antara huruf ain & hamzah* [Video]. YouTube. <https://youtu.be/WthqQmeYIWc?si=EmJXi8VD-f4uViUj>
- Mohammad Asraff Ayob. (2019, Februari 19). *Cara bezakan sebutan antara huruf ha pedas & ha gulung* [Video]. YouTube. <https://youtu.be/mKsPBWa7jPU?si=iLRDEjWvZkNoqdmz>